

23 JUN 2000

Hishammuddin-YGB

MOKHZANI KINI PENGERUSI BARU YAYASAN GERAK BAKTI

PORT DICKSON, 23 Jun (Bernama) -- Penolong Bendahari Pergerakan Pemuda Umno, Mokhzani Mahathir dilantik sebagai pengerusi baru Yayasan Gerak Bakti (YGB), menggantikan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Pelantikan itu berkuatkuasa hari ini.

Pelantikan Mokhzani diumumkan oleh Hishammuddin kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco Pergerakan Pemuda Umno di sini, hari ini.

Hishammuddin, yang juga Menteri Belia dan Sukan, berkata pelantikan itu dibuat setelah dipersetujui sebulat suara oleh anggota Exco Pergerakan Pemuda Umno pada mesyuarat hari ini.

Katanya YGB yang sebelum ini menghadapi beberapa masalah seperti masalah kewangan dan akaun, isu syarikat-syarikat, anak-anak syarikat dan sebagainya kini telah diatasi.

"Sekarang kita ingin melihat YGB kembali kepada matlamat asalnya iaitu untuk membasmi kemiskinan. Usaha untuk membasmi kemiskinan dalam konteks abad ke-21 ini merupakan kemiskinan dalam semua aspek, bukan sahaja daripada segi kebendaan.

"Kemiskinan itu antara lain ialah daripada segi ilmu, ciri-ciri kepimpinan, nilai dan ketahanan dalaman yang bersandarkan kepada agama, budaya dan seni keibu-bapaan," katanya.

Katanya setelah kedudukan YGB dikemaskinikan kini terserah kepada pengerusi baru dan lembaga-lembaga amanah yang akan dilantik untuk memikirkan arah tuju dan pendekatan sesuai.

Menurutnya sebelum ini program YGB lebih tertumpu kepada membantu golongan kurang upaya tetapi kini kaedahnya akan diubah suai mengikut suasana dan tuntutan semasa.

-- BERNAMA

RP AKD